



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



TADBIR URUS WAKAF DI KELANTAN: ISU, CABARAN DAN STRATEGI

WAQF GOVERNANCE IN KELANTAN: ISSUES, CHALLENGES AND STRATEGIES

Marina Abu Bakar^{1*}, Noraini Ismail², Nur Fatin Nabilah Shahrom³, Nurliyana Mohd Talib⁴, Noor Azura Zainuddin⁵, Nurul Farhana Yahaya⁶, Azhar Abdul Rahman⁷

- ¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia
Email: marinaab@uitm.edu.my
- ² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia
Email: noraini045@uitm.edu.my
- ³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia
Email: fatinnabilahshahrom@uitm.edu.my
- ⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia
Email: liyanatalib@uitm.edu.my
- ⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia
Email: noorazura@uitm.edu.my
- ⁶ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia
Email: nfarhanay@uitm.edu.my
- ⁷ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia
Email: azharabdulrahman@uitm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025
Revised date: 14.04.2025
Accepted date: 15.05.2025
Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Abu Bakar, M., Ismail, N., Shahrom, N. F. N., Talib, N. M., Zainuddin, N. A., Yahaya, N. F., & Abdul Rahman, A. (2025). Tadbir Urus Wakaf Di Kelantan: Isu, Cabaran Dan Strategi.

Abstrak:

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) merupakan pemegang amanah tunggal wakaf di negeri Kelantan. MAIK memainkan peranan penting dalam memelihara amanah pewakaf dan memastikan pengurusan wakaf di negeri Kelantan berjalan secara sistematik dan berlandaskan syarak. Namun begitu, dalam menguruskan wakaf, MAIK berhadapan dengan pelbagai cabaran. Hal ini menyebabkan perkembangan wakaf di negeri Kelantan adalah lebih perlahan jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Kesannya, MAIK memerlukan lebih banyak usaha ke arah pemerkasaan dan penambahbaikan wakaf pada masa hadapan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis isu, cabaran dan strategi tadbir urus wakaf di Kelantan. Kajian ini mengguna pakai reka bentuk kualitatif. Data kajian dikumpul melalui kajian perpustakaan, dokumen dan temu bual bersama pegawai pengurusan wakaf di MAIK. Manakala, data kajian dianalisis

*International Journal of Law,
Government and Communication, 10
(40), 88-104.*

DOI: 10.35631/IJLGC.1040007

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



menggunakan kaedah analisis kandungan dan tematik. Hasil kajian mendapati bahawa pengurusan wakaf di MAIK berhadapan dengan cabaran seperti kekangan sumber manusia, kurang kesedaran masyarakat dan keperluan promosi yang berterusan. Namun, melalui strategi penambahbaikan prosedur, pengurusan yang berstruktur dan promosi berkesan, MAIK berjaya mengekalkan integriti dan kelestarian dalam pengurusan wakaf. Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan dan cadangan ke arah penambahbaikan dalam pengurusan wakaf di negeri Kelantan pada masa akan datang.

Kata kunci:

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Tadbir Urus Wakaf, Wakaf Kelantan.

Abstract:

The Kelantan Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIK) is the sole trustee of waqf in the state of Kelantan. MAIK plays a crucial role in safeguarding the waqf's trust and ensuring that the management of waqf in Kelantan is conducted systematically and in accordance with Shariah principles. However, in managing waqf, MAIK faces various challenges. This situation has resulted in the development of waqf in Kelantan progressing more slowly compared to other states. Consequently, MAIK requires greater efforts toward empowering and improving waqf management in the future. Therefore, this study was conducted to analyse the issues, challenges and governance strategies of waqf in Kelantan. This study adopts a qualitative research design. Data were collected through library research, document analysis, and interviews with waqf management officers at MAIK. The data were then analysed using content analysis and thematic analysis methods. The findings of the study reveal that MAIK faces challenges such as limited human resources, low public awareness, and the need for continuous promotion. However, through strategies of procedural improvement, structured management, and effective promotion, MAIK has successfully maintained integrity and sustainability in waqf management. This study is expected to provide guidance and recommendations for enhancing waqf management in Kelantan in the future.

Keywords:

Kelantan Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIK), Waqf Governance, Waqf in Kelantan.

Pengenalan

Wakaf diklasifikasikan sebagai ibadah dan merupakan antara bentuk kebajikan sosial (Tanjung, 2023; Rohim & Ridwan, 2024). Ia melibatkan penyerahan aset untuk tujuan kebajikan seperti mana yang digariskan dalam Al-Qur'an dan hadis (Paramitha & Nasrulloh, 2024). Wakaf memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan jurang kemiskinan, menyediakan sokongan pendidikan dan akses kepada penjagaan kesihatan (Rahim, 2019; Paramitha & Nasrulloh, 2024). Meskipun begitu, ramai masyarakat Islam di Malaysia masih belum menyedari kepentingan wakaf. Perkara ini menyebabkan potensi impak wakaf terhadap pembangunan komuniti kadangkala terbatas (Don, 2019). Dari segi sejarah, wakaf kebanyakannya digunakan untuk tujuan agama. Namun, dewasa ini, terdapat keperluan yang semakin meningkat untuk memperluaskan aplikasi wakaf kepada pembangunan sosio-ekonomi yang lebih luas (Kasdi, 2021). Bagi memaksimumkan manfaat wakaf, terdapat keperluan ke arah pengurusan yang profesional, kerjasama antara pihak berkepentingan dan peningkatan

kesedaran masyarakat Islam melalui program pendidikan dan jaringan komuniti (Uyun, 2015; Paramitha & Nasrulloh, 2024).

Kelantan merupakan antara negeri di Malaysia yang mempunyai potensi besar dalam pembangunan wakaf. Sebagai pemegang amanah tunggal wakaf di negeri ini, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengurus, memelihara dan membangunkan harta wakaf agar manfaatnya dapat disalurkan kepada masyarakat. Hal ini adalah selari seperti mana yang diperuntukkan dalam Seksyen 61, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (Kelantan) 1994:

“Walau apapun peruntukan yang berlawanan dengan mana-mana surat cara atau perisytiharaan, Majlis hendaklah menjadi pengawal tunggal kepada semua wakaf, sama ada wakaf am atau khas, semua nazar am dan semua amanah khairat untuk kepentingan Agama Islam dan orang-orang Islam, setakat mana harta itu terletak hak kepadanya atau yang terletak di dalam Negeri Kelantan”.

Pengurusan wakaf yang efektif dan cekap adalah penting bagi memastikan harta wakaf dapat dimanfaatkan sepenuhnya tanpa mengabaikan prinsip-prinsip syarak. Namun demikian, pengurusan wakaf di Kelantan menghadapi pelbagai cabaran yang menghalang perkembangan wakaf secara optimum. Hal ini termasuklah isu kekurangan sumber manusia, kurangnya kesedaran masyarakat terhadap kepentingan wakaf serta prosedur pentadbiran yang perlu diperkemaskan (Daud & Mubarak, 2020). Berbanding dengan negeri-negeri lain yang lebih maju dalam pengurusan wakaf, Kelantan masih memerlukan pelbagai usaha penambahbaikan bagi memastikan pembangunan wakaf yang lebih mampan pada masa hadapan (Daud & Daud, 2018). Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti isu-isu dan cabaran utama dalam tadbir urus wakaf di Kelantan, serta mencadangkan strategi yang boleh dilaksanakan oleh MAIK bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan wakaf di negeri Kelantan.

Sorotan Literatur

Wakaf dalam Islam

Wakaf merupakan salah satu instrumen ekonomi Islam yang mempunyai peranan penting dalam pembangunan rohani dan sosial masyarakat. Ia berfungsi sebagai suatu bentuk amal jariah yang pahalanya berterusan walaupun pewakaf telah meninggal dunia. Dari sudut syarak, wakaf bermaksud menahan harta daripada jual beli atau pewarisan serta menyumbangkannya untuk kebajikan umum atau khas, dengan syarat-syarat tertentu. Konsep ini telah dibincangkan secara meluas oleh para ulamak seperti Al-Khathib (1979), Asy-Syarbiny (1980), Azzam (1998) dan Al-Zuhaili (2000) dalam penulisan masing-masing.

Menurut Rahman (2009), wakaf bukan sahaja bersifat rohani, malah mampu menjadi pemacu pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam. Ia turut diperincikan oleh Azzam (1998) dalam yang menekankan bahawa wakaf adalah satu bentuk instrumen kewangan Islam yang unik kerana sifatnya yang tidak boleh ditarik balik dan berterusan. Dalam konteks pengurusan moden, Syafi'i (2020) menegaskan keperluan transformasi pengurusan wakaf tradisional kepada sistem yang lebih moden, efisien dan lestari. Marwal (2024) pula menekankan perlunya kefahaman tentang hukum dan pelaksanaan wakaf yang tepat agar ia dapat dimanfaatkan secara optimum oleh masyarakat.


Selain itu, Hidayat et al. (2023) serta Juliati & HRP (2024) menekankan bahawa pelaksanaan wakaf dalam masyarakat moden memerlukan keseimbangan antara prinsip hukum Islam dan pelaksanaan berdasarkan undang-undang negara. Pandangan ini turut disokong oleh Ash-Shiddiqy (2019) yang menegaskan bahawa wakaf memiliki kemampuan untuk menyokong kebajikan masyarakat seperti pendidikan dan kesihatan.

Secara keseluruhannya, literatur menunjukkan bahawa walaupun wakaf mempunyai asas yang kukuh dalam syarak, namun, cabaran dalam pengurusannya memerlukan pendekatan yang lebih sistematik, profesional dan menyeluruh agar potensi sebenar wakaf dapat dimaksimumkan dalam dunia kontemporari.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

Sejarah wakaf di Kelantan dikatakan bermula dengan kedatangan Islam yang dibawa oleh pedagang-pedagang pada abad ke-20. Antara bukti utama ialah tinggalan wakaf yang dilakukan oleh Tengku Kaya Pahlawan (Mat Husin, 2013). Kebanyakan sumber-sumber harta wakaf di Kelantan berasal daripada harta-harta yang diwakafkan oleh orang perseorangan yang berkuasa dan termahsyur di Kelantan iaitu Almarhum Sultan Mansur yang juga dikenali sebagai “Wakaf Sultan Mansur”, Wakaf Almarhum Raja Muda Penambang dan Wakaf Almarhum Tengku Kaya Pahlawan. Ketiga-tiga penama ini memainkan peranan yang penting dalam memberikan sumber harta wakaf di Kelantan (MAIK, 1921).

MAIK telah ditubuhkan pada 24 Disember 1915 melalui perisytiharan yang dibuat oleh KDYMM Sultan Muhammad Ke-IV. Perisytiharan ini berlangsung dalam sebuah istiadat di Pejabat Tanah Lama Kota Bharu, di hadapan orang-orang kenamaan negeri dengan disaksikan oleh sebahagian besar rakyat Kelantan. Baginda telah mendapatkan cadangan dan pandangan mengenai penubuhan MAIK daripada tiga orang ulama dan cerdik pandai Melayu pada waktu itu iaitu Haji Nik Mahmood bin Nik Ismail (Dato’ Perdana Menteri Paduka Raja), Haji Muhammad bin Khatib Hj. Muhammad Said (Dato’ Laksamana) dan Haji Muhammad Yusof bin Ahmad (Tok Kenali). Tujuan penubuhan MAIK adalah untuk menasihati KDYMM Al-Sultan selaku Ketua Agama berkaitan hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu Kelantan (MAIK, 2025). Beberapa objektif telah digariskan oleh MAIK, di mana MAIK berperanan sebagai badan dakwah Islam yang berkesan, membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredhaan Allah SWT, memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhwa Islam di kalangan orang-orang Islam di negeri Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah, memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran di dalam masyarakat Islam di Kelantan serta melaksanakan usaha-usaha menambahkan harta dan sumber melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi kemajuan dan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat Islam di Kelantan (MAIK, 2025). Rajah 1 merupakan Carta Organisasi MAIK. Manakala, pengurusan wakaf pula diletakkan di bawah Unit Wakaf, Bahagian Baitulmal MAIK.



Rajah 1: Carta Organisasi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

Sumber: Portal Rasmi MAIK (2025)

Tadbir Urus Wakaf

Kajian-kajian terdahulu menekankan pentingnya tadbir urus yang berintegriti dan cekap dalam menjamin kelestarian pengurusan wakaf. Mohamad (2020) mengaitkan tadbir urus wakaf dengan prinsip Siyasa Shar'iyah, manakala Hassan et al. (2022) mencadangkan rangka kerja tadbir urus syariah khusus bagi institusi wakaf. Kajian perbandingan oleh Abd Mutalib et al. (2015) menunjukkan perbezaan signifikan antara pengurusan wakaf oleh MAIN dan pentadbir persendirian. Abdullah (2020a) dan Abdullah (2020b) menekankan faktor kecekapan dan pembiayaan harta wakaf produktif sebagai aspek penting dalam pengurusan yang berkesan. Kader (2016) mencadangkan solusi ke arah penyeragaman undang-undang pengurusan wakaf. Dapatan ini turut disokong oleh Mahmood et al. (2017) dan Ibrahim & Ab Rahman (2024) yang menekankan aspek kawalan dalaman dan penyelesaian pembangunan wakaf melalui prinsip syariah.

Sementara itu, Hassan et al. (2018) dan Zulkifli et al. (2022) mencadangkan kerangka tadbir urus wakaf yang lebih sistematik dan berdaya saing. Kamaruddin et al. (2018) dan Kamaruddin et al. (2024) pula meneliti isu pelaporan wakaf dan amalan institusi berkaitan. Bakar et al. (2020) menyoroti transformasi tadbir urus wakaf oleh Majlis Agama dan Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) yang menampilkan pendekatan lebih tersusun dan kontemporari. Selain itu, Hassan et al. (2017), Zeni & Sapuan (2017) serta Malib et al. (2024) menekankan aspek kelestarian

dan pembangunan mampan melalui tadbir urus wakaf yang efektif. Malah, Latif et al. (2019) turut menyokong kepentingan tadbir urus baik dalam mencapai matlamat pembangunan lestari.

Wakaf di Kelantan

Kajian berkaitan wakaf di Kelantan menjelaskan tentang pelaksanaan, perundangan serta amalan pengurusan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Daud & Daud (2018) serta Daud & Mubarak (2020) menghuraikan sejarah, struktur organisasi dan pendekatan MAIK dalam merancang dan melaksanakan pengurusan wakaf. Kajian oleh Ismail et al. (2015) dan Ghani (2013) pula meneliti penerimaan dan pelaksanaan wakaf tunai dan saham wakaf dalam kalangan masyarakat tempatan. Zakaria (2012) mengkaji pemanfaatan tanah wakaf di Pasir Puteh Kelantan, manakala Hussin et al. (2022) meneliti amalan perakaunan dan pelaporan wakaf dalam kalangan masjid di negeri tersebut.

Seterusnya, Che Hassan & Rahman (2018) serta Ahmad & Rahman (2018) membincangkan potensi wakaf bazar dan wakaf tunai sebagai instrumen penggerak ekonomi masyarakat setempat di Kelantan. Don et al. (2019) pula membandingkan amalan pengurusan dana wakaf pendidikan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Majid & Said (2014) mengutarakan permasalahan dalam pengurusan hartanah wakaf, manakala Suhaimi (2018) memberi fokus kepada wakaf ahli dari segi perundangan dan perlaksanaannya. Mustafar (2022) turut mengetengahkan hubungan antara penyebaran Islam dan perkembangan institusi wakaf dalam peradaban Melayu di Kelantan.

Kajian terkini oleh Saleh et al. (2022) dan Saleh et al. (2024) membincangkan konsep dan potensi pelaksanaan wakaf ekonomi melalui pendekatan inklusif pelbagai pihak berkepentingan dalam membina ekosistem wakaf berdaya saing di Kelantan. Kesemua dapatan ini menunjukkan bahawa meskipun terdapat pelbagai inisiatif dan potensi, pengurusan wakaf di Kelantan masih memerlukan usaha berterusan dari aspek pentadbiran, inovasi dan kesedaran masyarakat.

Analisis Kritikal Sorotan Literatur

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa wakaf diiktiraf sebagai instrumen penting dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam dan mempunyai asas yang kukuh dalam hukum syarak (Azzam, 1998; Az-Zuhaili, 2000; Rahman, 2009). Beberapa pengkaji menekankan potensi wakaf dalam pendidikan, kesihatan dan pembangunan masyarakat (Ash-Shiddiqy, 2019; Syafi'i, 2020; Hidayat et al., 2023; Juliati & HRP, 2024). Namun, cabaran utama yang dikenal pasti adalah kelemahan dalam pengurusan dan ketidaksesuaian antara prinsip syariah dengan pelaksanaan di peringkat institusi (Asy-Syarbiny, 1980; Marwal, 2024).

Dalam aspek tadbir urus, pelbagai model telah dibincangkan termasuk prinsip kecekapan, ketelusan dan keseragaman undang-undang (Kader, 2016; Mohamad, 2020; Abdullah, 2020a; Abdullah, 2020b). Kajian seperti oleh Hassan et al. (2022) dan Ibrahim & Ab Rahman (2024) mencadangkan rangka kerja tadbir urus syariah, sementara Mahmood et al. (2017) serta Zulkifli et al. (2022) menekankan kepentingan kawalan dalaman dan pelaporan yang sistematik. Malah, pelbagai isu dalam pelaporan, amalan institusi dan pelaksanaan digital telah dikenalpasti (Kamaruddin et al., 2018, Kamaruddin et al., 2024; Pamungkas, 2024; Almomani et al., 2024; Manaf et al., 2025).

Walau bagaimanapun, dalam konteks negeri Kelantan, kebanyakan kajian memberi fokus kepada sejarah penubuhan dan potensi wakaf (Daud & Daud, 2018; Mustafar, 2022), wakaf ekonomi dan tunai (Che Hassan & Rahman, 2018; Saleh et al., 2022; Saleh et al., 2024), serta pemanfaatan tanah wakaf dan wakaf bazar (Zakaria, 2012; Ahmad & Rahman, 2018). Kajian oleh Don et al. (2019) pula membandingkan pengurusan dana pendidikan antara Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Namun demikian, sangat sedikit kajian yang meneliti secara terperinci mekanisme dalaman pengurusan wakaf oleh MAIK, seperti pelaksanaan SOP, pengurusan sumber manusia, struktur pemantauan serta strategi penyelesaian cabaran pengurusan wakaf secara langsung. Tambahan pula, belum ada kajian yang menggabungkan analisis perspektif institusi pengurusan secara mikro di MAIK dengan pendekatan strategi dan respon organisasi terhadap cabaran praktikal pengurusan wakaf seperti isu penyewa, kutipan dan promosi. Oleh itu, kajian ini mengisi jurang dengan mengenal pasti isu-isu dan cabaran utama dalam tadbir urus wakaf di Kelantan, serta mencadangkan strategi yang boleh dilaksanakan oleh MAIK bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan wakaf di negeri Kelantan.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi memahami secara mendalam isu, cabaran dan strategi tadbir urus wakaf di Kelantan berdasarkan perspektif pengurusan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian kes kualitatif yang membolehkan pengkaji meneliti fenomena tadbir urus wakaf dalam konteks sebenar melalui data yang bersifat deskriptif dan interpretatif (Yin, 2018). Pemilihan kajian kes ini juga membolehkan pemahaman yang komprehensif tentang proses, struktur dan cabaran yang dihadapi oleh MAIK dalam pengurusan wakaf.

Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian ini dikumpulkan melalui tiga kaedah utama iatu kajian perpustakaan, analisis dokumen rasmi, dan temu bual separa berstruktur. Kajian perpustakaan melibatkan pemerhatian terhadap sorotan literatur terdahulu seperti artikel jurnal, buku, tesis dan bahan-bahan penyelidikan dan ilmiah yang berkaitan MAIK dan wakaf di Kelantan. Manakala, dokumen rasmi pula melibatkan Penyata Kewangan MAIK bagi tahun 2019 dan 2020, fail meja serta prosedur berkaitan wakaf oleh MAIK. Temu bual separa berstruktur juga dijalankan bersama dengan pegawai pengurusan wakaf MAIK bagi mendapatkan data yang lebih terperinci dan sesuai dengan konteks sebenar kajian (Merriam & Tisdell, 2016). Pemilihan informan adalah berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi memastikan kesesuaiannya dengan objektif kajian (Palinkas et al., 2015). Jadual 1 merupakan informan yang terlibat dalam kajian ini:

Jadual 1: Senarai Informan Kajian

No	Informan	Negeri	Jawatan
1	Informan 1	Kelantan	Pegawai, Unit Wakaf, Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Sumber: Pengkaji

Kaedah Penganalisisan Data

Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik yang dibangunkan oleh Braun & Clarke (2006), yang terdiri daripada enam fasa; pembiasaan data, penjaan kod awal, pencarian tema, semakan tema, penamaan tema dan penghasilan laporan. Pengkaji membina kod berdasarkan transkrip temu bual, yang kemudiannya dikelompokkan mengikut tema yang dikenalpasti. Pendekatan ini sesuai bagi kajian yang bertujuan meneroka makna, perspektif dan pengalaman informan (Nowell et al., 2017).

Kesahihan dan Kebolehpercayaan Kajian

Untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan kajian, beberapa strategi telah digunakan seperti triangulasi kaedah (kajian perpustakaan, dokumen dan temu bual), semakan ahli (*member checking*) dan penyimpanan rekod audit (*audit trail*) (Creswell & Poth, 2018). Triangulasi meningkatkan ketepatan dapatan manakala semakan ahli memastikan data yang diperoleh adalah sah dan mewakili pandangan sebenar informan. Selain itu, pengkaji turut mengekalkan refleksi sendiri sepanjang proses kajian bagi mengelakkan bias penyelidikan.

Selain itu, kajian ini turut mematuhi garis panduan etika penyelidikan. Persetujuan dimaklumkan (*informed consent*) diperoleh daripada semua informan sebelum temu bual dijalankan. Pengkaji memastikan kerahsiaan maklumat dan identiti informan dengan menggunakan kod atau nama samaran serta menyimpan data di tempat yang selamat. Prosedur etika ini adalah selaras dengan amalan penyelidikan sosial (Israel & Hay, 2006).

Limitasi utama kajian ini adalah jumlah informan yang terhad dan lokasi kajian yang hanya tertumpu di negeri Kelantan. Oleh itu, hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua institusi wakaf di Malaysia. Walau bagaimanapun, dapatan yang diperoleh memberi gambaran terperinci tentang konteks pengurusan wakaf di MAIK dan boleh menjadi asas kepada kajian lanjutan secara komparatif.

Analisis dan Perbincangan

Secara ringkasnya, dapatan kajian ini dirumuskan berdasarkan temu bual mendalam bersama pegawai Unit Wakaf MAIK, analisis dokumen rasmi MAIK dan sorotan literatur. Tiga tema utama telah dianalisis iaitu struktur tadbir urus, cabaran pelaksanaan dan strategi pengukuhan. Dapatan kajian ini turut mengesahkan bahawa walaupun struktur tadbir urus MAIK adalah jelas dan berpanduan prinsip syarak, namun pelaksanaannya di peringkat operasional masih menghadapi pelbagai cabaran yang signifikan. Kajian ini juga menunjukkan usaha berterusan oleh MAIK dalam memastikan integriti dan kelestarian wakaf dapat dipertahankan melalui pembaikan berstruktur, promosi digital dan kerjasama strategik.

Struktur Tadbir Urus dan Fungsi Operasi

Informan 1 menyatakan:

“Unit wakaf ni dikendalikan oleh seorang pegawai sahaja... pembantu kita ada.... untuk wakaf sahaja, dalam 4 orang...” – (Informan 1)

Situasi ini menimbulkan kebergantungan yang tinggi kepada seorang pegawai dalam mengurus pelbagai aspek wakaf seperti pentadbiran, kutipan dan promosi. Hal ini disokong oleh Abdullah (2020a) yang menyatakan bahawa keberkesanan tadbir urus amat bergantung kepada bilangan dan kecekapan tenaga kerja. Malah, kajian oleh Mohamad (2020) menekankan bahawa tanpa

struktur organisasi yang berfungsi secara sistematis dan berintegritas, pengelolaan wakaf mudah terdedah kepada kelewatan dalam pelaksanaan projek serta risiko salah guna kuasa.

Unit Wakaf MAIK diletakkan di bawah Bahagian Baitulmal dan dikendalikan oleh seorang pegawai Gred 41 dengan sokongan empat orang pembantu. Ini menimbulkan kekangan dari sudut beban tugas yang melibatkan urusan pentadbiran, kutipan, pemantauan serta pelaksanaan promosi. Malah, sehingga tahun 2025 juga, meskipun Unit Imarah Wakaf telah ditambah di bawah Bahagian Baitulmal, namun perjawatan ini masih kosong dan belum diisi oleh mana-mana pegawai. Keadaan ini selari dengan penemuan Abdullah (2020b) yang menyatakan bahawa kecukupan tadbir urus berkait rapat dengan kesediaan sumber manusia yang mencukupi dan berkemahiran.

Cabaran Tadbir Urus: Kekangan dan Ketidaktahuan Masyarakat

Masalah utama yang dikenal pasti dalam pengelolaan harian MAIK berkaitan dengan persepsi masyarakat dan kekurangan mekanisme digital yang efisien. Informan 1 menegaskan:

“...proses nak kutip sewa wakaf tu mencabar, ada yang tak mahu bayar sebab anggap wakaf tu percuma.” – (Informan 1)

Keadaan ini memperlihatkan kekurangan literasi wakaf dalam kalangan masyarakat awam, selaras dengan dapatan Hassan et al. (2018) dan Zulkifli et al. (2022) yang menunjukkan bahawa kurangnya pendidikan wakaf menyumbang kepada kelemahan dalam pelaksanaan pengelolaan dan keberkesanan kutipan.

MAIK turut menghadapi beberapa cabaran kritikal dalam melaksanakan tadbir urus wakaf yang berkesan. Beban tugas yang pelbagai menyebabkan pegawai tidak dapat memberi tumpuan kepada pemantauan aset secara sistematik. Menurut Informan 1:

“Kita kena buat semua, dari lawat tapak, kutip sewa, sampai buat laporan. Kadang-kadang sehari pun tak cukup masa.” – (Informan 1)

Keadaan ini diperburuk dengan persepsi penyewa bahawa harta wakaf tidak perlu dibayar sewaan, menyukarkan proses kutipan. Menurut informan:

“...sebab dia ada juga berkait dengan mentaliti penyewa tu sendiri pasal wakaf...contohnya, wakaf...dah nama wakaf kan? patutnya free je la.” – (Informan 1)

Risiko keselamatan turut dilaporkan apabila pegawai perlu mengutip sewaan secara langsung termasuk berhadapan dengan penyewa yang bermasalah mental. Informan 1 menjelaskan:

“Ada juga kes yang kita terpaksa hadap penyewa yang ada isu mental... kita takut juga, tapi nak kutip sewa kena juga turun padang.” – (Informan 1)

Hal ini menunjukkan ketiadaan sistem kutipan berasaskan digital secara menyeluruh telah memberi kesan besar kepada kecukupan dan keselamatan operasi. Dapatan ini menyokong pandangan Hassan et al. (2022) bahawa kelewatan dalam transformasi sistem dan kekangan digitalisasi menyumbang kepada ketidakcekapan tadbir urus wakaf. Malib et al. (2024) turut menegaskan bahawa pendekatan tradisional perlu digantikan dengan model seperti pengelolaan digital yang lebih inklusif dan mesra pengguna, terutamanya dalam aspek kutipan dan

pemantauan wakaf. Pendekatan ini penting bukan sahaja dari sudut kecekapan tetapi juga dari segi keselamatan dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf.

Strategi Penambahbaikan dan Keberkesanan Inisiatif

Informan 1 juga menekankan pentingnya pemantauan yang berterusan dan dokumentasi lengkap untuk memudahkan penilaian dan pelaporan kepada pengurusan tertinggi MAIK:

“Jadi kita buat laporan suku tahunan kepada pengurusan, kita akan bentang dalam mesyuarat... mesyuarat akan nilai sama ada projek atau perancangan itu boleh diteruskan atau tidak.” – (Informan 1)

Walaupun berhadapan dengan kekangan, MAIK tetap menampilkan usaha strategik melalui pelaksanaan *Standard of Procedure* (SOP) dan fail meja sebagai panduan kerja standard serta kempen kesedaran masyarakat awam. SOP ini disemak dari masa ke semasa agar selaras dengan perubahan dasar dan undang-undang tanah. Informan 1 menyatakan:

“SOP ni kita semak ikut kesesuaian, kalau ada pindaan dasar atau akta tanah, kita akan kemaskini fail meja supaya semua tahu kerja masing-masing.” – (Informan 1)

Pendekatan ini menunjukkan wujudnya amalan tadbir urus yang progresif dan sistematik seperti yang disarankan oleh Mahmood et al. (2017), iaitu penggunaan SOP dan kawalan dalaman sebagai asas kepada keberkesanan pelaksanaan pengurusan wakaf.

Selain itu, kempen kesedaran awam seperti khutbah Jumaat, risalah, media sosial dan kolaborasi dengan stesen radio tempatan berjaya meningkatkan kefahaman masyarakat tentang wakaf tunai dan wakaf am di negeri Kelantan. Informan 1 memaklumkan:

“Kita buat hebahan wakaf melalui khutbah, ceramah radio dan kita edarkan risalah setiap kali ada program besar MAIK.” – (Informan 1)

Usaha ini menyokong dapatan Zeni & Sapuan (2017) dan Latif et al. (2019) yang menekankan kepentingan komunikasi strategik dan pendidikan berterusan sebagai faktor kejayaan sesebuah institusi wakaf dalam meningkatkan penyertaan masyarakat dan mewujudkan budaya wakaf.

Manakala, bagi projek wakaf tunai dan projek wakaf Pondok Bunut Payung, MAIK telah membuat tambahan salauran pembayaran yang tidak terhad kepada kutipan kategori wakaf secara tunai sahaja. Informan 1 turut menyatakan:

“Sekarang ni kita pun dah guna sistem QR code dan online platform melalui e-maik. Jadi orang luar Kelantan pun boleh menyumbang.” – (Informan 1)

Perkara ini menepati saranan oleh Pamungkas (2024) dan Almomani et al. (2024) yang menekankan pentingnya transformasi digital dalam memudahkan penyertaan masyarakat serta meningkatkan ketelusan dalam kutipan dan agihan dana wakaf. Pendekatan digital ini turut seiring dengan cadangan oleh Syed Musa (2025) berkenaan integrasi kecerdasan buatan (AI) dan teknologi kewangan dalam pentadbiran wakaf moden.

Di samping itu, Informan 1 juga menjelaskan:

“Untuk wakaf tunai, kita telah bahagikan kepada beberapa kategori... kita ada pendidikan, kesihatan, wakaf am dan juga saham wakaf. Projek utama sekarang adalah wakaf pembangunan Pondok Bunut Payung.” – (Informan 1)

MAIK memperkenalkan 4 kategori wakaf melalui platform waqaftunai.e-maik.my, iaitu wakaf am, pendidikan, kesihatan dan saham wakaf. Malah, sehingga April 2025, kutipan projek Pondok Bunut Payung mencecah RM4,387,796.58, iaitu hampir 78% daripada sasaran RM5.6 juta. Kutipan ini membuktikan keberkesanan promosi dan kerjasama institusi, tetapi masih mencerminkan jurang sumbangan berbanding sasaran. Situasi ini selari dengan dapatan oleh Saleh et al. (2024) yang mencadangkan perlunya pendekatan yang lebih inklusif dan berimpak tinggi dalam memacu pelaksanaan wakaf ekonomi.

Kerjasama dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) juga turut membolehkan kutipan dijalankan di seluruh negara melalui jaringan cawangan bank. Menurut Informan 1:

“...boleh promote melalui cawangan dia (Bank Muamalat). Jadi itu kelebihan kepada MAIK dari segi kutipan.” – (Informan 1)

Analisis terhadap dokumen MAIK iaitu Penyata Kewangan MAIK 2019 dan 2020 juga membuktikan bahawa jumlah kutipan wakaf am dan khas pada tahun 2019 mencecah lebih RM3.4 juta, manakala bagi tahun 2020 pula, mencatatkan peningkatan kutipan sehingga RM4.2 juta. Ini menunjukkan peningkatan ketara dalam kutipan dan pengurusan dana wakaf, selain mencerminkan kesungguhan institusi dalam mentransformasikan tadbir urus. Penyata tersebut turut memperincikan perbelanjaan dan lebihan kutipan yang disalurkan kepada aktiviti pembangunan, pendidikan dan kesihatan masyarakat, yang konsisten dengan kategori wakaf tunai yang dilaksanakan oleh MAIK. Namun demikian, masih terdapat keperluan untuk menjalankan aktiviti penilaian impak dan audit prestasi projek secara berkala seperti disarankan oleh Hassan et al. (2022) dan Kamaruddin et al. (2024)

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa MAIK mempunyai struktur tadbir urus yang tersendiri namun masih terikat dengan kekangan sumber manusia. Kebergantungan kepada seorang pegawai utama dalam mengurus semua aspek waka iaitu dari kutipan hingga ke pemantauan, membuktikan keperluan kepada penstrukturan semula atau penambahan staf yang lebih berfokus. Hal ini sejajar dengan pandangan Abdullah (2020) yang menekankan bahawa kapasiti sumber manusia memainkan peranan penting dalam keberkesanan tadbir urus wakaf. Isu kesedaran masyarakat juga masih menjadi penghalang utama. Persepsi bahawa harta wakaf tidak memerlukan bayaran menyebabkan berlakunya kegagalan dalam kutipan dan menimbulkan konflik komunikasi antara MAIK dan penyewa. Dapatan ini turut disokong oleh Hassan et al. (2018) yang menemui bahawa kurangnya pemahaman masyarakat terhadap wakaf membantutkan potensi instrumen ini sebagai pemacu pembangunan sosial. Dalam hal ini, usaha promosi dan pendidikan yang dilaksanakan oleh MAIK melalui media sosial dan kerjasama bank adalah wajar dan harus diperluaskan lagi.

Seperti dinyatakan oleh Kamaruddin et al. (2024), pendekatan digital dan kolaboratif adalah antara strategi yang terbukti mampu memperluas capaian wakaf kepada masyarakat umum. Kejayaan pelaksanaan wakaf tunai dan projek-projek seperti Pondok Bunut Payung turut membuktikan bahawa inisiatif berfokus dan pelaksanaan yang jelas dapat menarik minat

pewakaf. Namun, pencapaian yang masih rendah berbanding sasaran kewangan menunjukkan keperluan penambahbaikan dari sudut promosi dan aktivisme korporat seperti digariskan oleh Malib et al. (2024). Perkongsian strategik dengan institusi kewangan Islam seperti Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) adalah langkah ke hadapan dalam konteks inovasi pembiayaan wakaf. Usaha ini juga menepati cadangan oleh Hassan et al. (2022) agar institusi wakaf menjalin rangkaian strategik yang berimpak tinggi. Secara keseluruhannya, pendekatan MAIK menggambarkan usaha ke arah tadbir urus yang lebih responsif, namun masih memerlukan dokongan dasar, struktur dan latihan yang lebih menyeluruh untuk mencapai standard tadbir urus terbaik seperti yang digariskan oleh Hassan et al. (2017).

Seterusnya, kajian ini memberi implikasi penting terhadap pelbagai pihak yang terlibat dalam pentadbiran dan pembangunan institusi wakaf, khususnya di negeri Kelantan. Bagi pihak pengurusan MAIK, dapatan kajian memperlihatkan keperluan untuk memperkemas struktur organisasi Unit Wakaf agar selari dengan keperluan semasa, khususnya dari segi pembahagian tugas, keperluan penambahan kakitangan dan penggunaan teknologi digital dalam sistem kutipan dan pemantauan. Dengan pelaksanaan strategi-strategi ini, kecekapan operasi MAIK dapat ditingkatkan sekali gus memudahkan pelaksanaan projek wakaf baharu.

Dari sudut dasar dan undang-undang, kajian ini mengesyorkan supaya suatu kerangka tadbir urus wakaf yang lebih seragam diperkenalkan di peringkat negeri Kelantan. Ini penting bagi memastikan wujudnya keseragaman dan integrasi tadbir urus antara negeri Kelantan dengan peringkat Persekutuan, selain mewujudkan ekosistem wakaf yang lebih mampan. Usaha ini juga penting dalam menyokong pelaksanaan dasar Malaysia Madani yang menekankan prinsip keadilan sosial dan kelestarian institusi Islam.

Manakala dari perspektif masyarakat dan pendidikan pula, dapatan ini menunjukkan keperluan meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman penyewa wakaf dan masyarakat amnya terhadap konsep wakaf, hak pewakaf dan peranan institusi agama. Strategi komunikasi dan pendidikan perlu diperkukuh melalui program berbentuk interaktif, seminar dan platform digital yang menyasarkan generasi muda serta pelbagai latar belakang sosial.

Berdasarkan dapatan kajian ini juga, beberapa penyelesaian boleh dicadangkan untuk mengatasi isu dan cabaran dalam tadbir urus wakaf di MAIK. Pertama, penstrukturan semula organisasi Unit Wakaf MAIK perlu dipertimbangkan. Ini termasuk menambah bilangan pegawai yang mempunyai peranan khusus dalam aspek kutipan, promosi dan pemantauan harta wakaf. Penambahan sumber manusia ini akan membantu mengurangkan beban kerja dan meningkatkan kecekapan pengurusan secara keseluruhan. Kedua, MAIK disarankan untuk membangunkan sistem kutipan digital yang lebih menyeluruh seperti aplikasi mudah alih atau portal interaktif yang mengintegrasikan fungsi transaksi, pemantauan penyewa dan pelaporan dana. Dengan kemudahan ini, pengguna boleh menyumbang dengan lebih mudah dan pihak MAIK dapat mengurangkan kebergantungan kepada kutipan manual yang berisiko serta memakan masa. Ketiga, latihan dan pembangunan profesional kepada pegawai Unit Wakaf perlu diberi keutamaan. Kursus berkaitan tadbir urus korporat Islam, pengurusan risiko serta pematuhan syariah dapat meningkatkan kebolehpayaan pegawai dalam membuat keputusan strategik yang selari dengan kehendak syarak. Keempat, kerjasama strategik perlu diperluas melibatkan institusi kewangan Islam, universiti awam dan swasta, serta badan bukan kerajaan (NGO). Melalui jaringan ini, MAIK dapat menjalin pelbagai inisiatif berskala besar yang merangkumi wakaf pendidikan, kesihatan dan pembangunan komuniti, sekaligus memperkukuh impak sosial wakaf di Kelantan.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu kepada konteks negeri Kelantan sahaja dan hanya melibatkan data daripada MAIK sebagai satu-satunya agensi yang menguruskan wakaf. Oleh itu, penemuan kajian tidak boleh digeneralisasikan ke semua negeri atau institusi wakaf di Malaysia. Selain itu, kajian ini tidak melibatkan persepsi penyumbang atau penyewa, yang juga merupakan pemegang taruh penting dalam menilai keberkesanan tadbir urus. Justeru, kajian ini membuka beberapa ruang yang boleh diterokai oleh pengkaji pada masa akan datang. Pertama, kajian lanjutan boleh dijalankan dengan melibatkan pendekatan kuantitatif untuk menilai tahap kesedaran masyarakat terhadap konsep dan amalan wakaf di Kelantan. Hasil daripada kajian ini boleh digunakan untuk membangunkan modul pendidikan dan kempen kesedaran yang lebih berkesan. Kedua, kajian perbandingan antara amalan tadbir urus wakaf di negeri-negeri lain di Malaysia seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang wajar dilaksanakan. Ini bertujuan mengenal pasti model terbaik serta strategi yang boleh dicontohi oleh MAIK dan disesuaikan dengan konteks negeri Kelantan. Selain itu, penyelidikan yang menilai kesan pelaksanaan wakaf ekonomi terhadap golongan sasaran seperti asnaf, B40 dan pelajar juga penting. Kajian impak ini akan memberi gambaran sejauh mana dana wakaf berjaya meningkatkan taraf hidup serta memperkukuh kesejahteraan komuniti. Akhir sekali, kajian kes berkaitan ketelusan pelaporan kewangan dan audit dalaman institusi wakaf seperti MAIK perlu dilaksanakan untuk memastikan amalan pengurusan berlandaskan prinsip akauntabiliti dan integriti dapat diteruskan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa tadbir urus wakaf oleh MAIK berada pada landasan yang betul dari sudut prinsip dan struktur, namun masih memerlukan peningkatan dari segi pelaksanaan dan respons terhadap cabaran praktikal. Keberkesanan pengurusan wakaf bukan hanya bergantung kepada sistem dan peraturan, tetapi juga kepada sokongan sumber manusia, teknologi, dan kerjasama strategik. Melalui pelaksanaan strategi-strategi penambahbaikan dan pengukuhan fungsi tadbir urus, MAIK berpotensi untuk menjadi model pengurusan wakaf yang unggul di Malaysia.

Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Unit Wakaf, Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) atas kerjasama dan bantuan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Abd Mutalib, H., Abdul Rashid, R., Harun, R., & Sudin, S. F. (2015, Disember). Kajian Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Pentadbir Persendirian dalam Pengurusan Institusi Wakaf di Malaysia. In *9th International Islamic Development Management Conference 2015 (IDMAC2015)*, USM Penang (pp. 1-12).
- Abdullah, S. R. (2020). Tadbir Urus dalam Pengurusan Pembiayaan Harta Wakaf Produktif di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*, 3(1), 35-41.
- Abdullah, S. R. (2020). Faktor Kecekapan Tadbir Urus dalam Pengurusan Pembiayaan Harta Wakaf Produktif di Malaysia. *Jurnal Tuah*, 1(1), 117-127.
- Ahmad, N. A. B., & Rahman, A. A. (2018). Empowering Society Through Waqf Bazars: A Case Study in Kelantan, Malaysia. In *New Developments in Islamic Economics* (pp. 83-98). Emerald Publishing Limited.
- Al-Khathib, M. A. (1979). *Al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

- Almomani, M. A. A., AbuAlhoul, M. A., Alqudah, M. T. S., & Al-Khalidi, I. K. S. (2024). Exploring Digital Waqf Management: Opportunities and Challenges. *International Journal of Religion*, 5(12), 20-30.
- Ash-Shiddiqy, M. (2019). Urgensi Wakaf untuk Kesejahteraan dan Pembangunan. *Aplikasia: Jurnal Aplikasi Ilmu-Ilmu Agama*, 19(1), 1-9.
- Asy-Syarbini, M. (1980). *Mughni al-Muhtaj*. Jil. 10. Kaherah: Musthafa al-Halabi.
- Azzam, A. A. M. (1998). *Fiqh Mu'amalat*. Kaherah: Maktabah al-Risalah ad-Dauliyah, Universiti al-Azhar.
- Az-Zuhaili, W. (2000). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Jil. 10. Damsyik: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Bakar, M. A., Ahmad, S., Salleh, A. D., & Salleh, M. F. N. (2020). Transformasi Tadbir Urus Wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). *Sains Insani*, 5(1), 212-224.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Che Hassan, S. N. A., & Rahman, A. A. (2018). The Potential of Cash Waqf in the Socio-Economic Development of Society in Kelantan: A Stakeholder's Perspective. In *New Developments in Islamic Economics* (pp. 67-82). Emerald Publishing Limited.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. (4th ed.). SAGE Publications.
- Daud, M. H. M., & Daud, B. C. (2018). Sejarah dan Latar Belakang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Sebagai Agensi Pengurus Wakaf di Negeri Kelantan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 1(1), 57-72.
- Daud, M. H. M., & Mubarak, M. Z. (2020). Perancangan dan Perorganisasian dalam Pengurusan Wakaf: Amalan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS). *Journal of Techno Social*, 12(1), 68-77.
- Don, M. A. M. (2019). Teori Wakaf, Kepelbagaian dan Contoh Amalan di Malaysia. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 20, 24-39.
- Don, M. A. M., Noor, A. H., Zabidi, M. M., Ahmad, M. F., & Ab Rahman, M. L. (2019). Pengurusan Dana Wakaf untuk Pendidikan: Pengalaman Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). *Journal of Muwafaqat*, 2(2), 47-58.
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (Kelantan) 1994*.
- Ghani, H. B. A. (2013). Saham Wakaf Menurut Perspektif Islam: Ke Arah Pelaksanaannya di Negeri Kelantan. *Jurnal KIAS*, 8(1), 229-254.
- Hassan, N., Abdul-Rahman, A., & Yazid, Z. (2018). Developing A New Framework of Waqf Management. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(2), 287-305.
- Hassan, R., Alhabshi, S. M. B. S. J., & Yusoff, A. (2017). Towards Providing the Best Shari'ah Governance Practices for Waqf Based Institutions. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC)*, 165-185.
- Hassan, R., Murat, N. A. M., Salman, S. A., & Yusoff, A. (2022). Towards Developing a Shariah Governance Framework for Waqf Institutions: A Case of Majlis Agama Islam Melaka. *Journal of Finance & Banking Review (JFBR)*, 7(3), 149-159.
- Hidayat, A. R., Hakim, R. F., Taufiqulloh, A. Z., & Syarifah, S. (2023). Manajemen Wakaf dalam Perspektif Hukum Islam dan Undang-Undang No. 41 Tahun 2004. *Filantropi: Jurnal Manajemen Zakat dan Wakaf*, 4(1), 14-26.

- Hussin, S. N. A., Nik-Wan, N. Z., Abdullah, A., Aziz, A., & Saidi, N. (2022). An Exploratory Study of Waqf Accounting and Reporting Practices Among Mosques in Kelantan. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(Special Issue), 125-139.
- Ibrahim, A., & Ab Rahman, A. (2024). Tadbir Urus Syariah Bagi Penyelesaian Isu-Isu Pembangunan Wakaf di Malaysia: Kajian Kes di Beberapa Negeri Terpilih. *Jurnal Syariah*, 32(1), 41-73.
- Ismail, N. A., Razak, A. A., & Muhammad, F. (2015). Amalan Wakaf dalam Kalangan Masyarakat Islam di Kota Bharu Kelantan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 9, 14-25.
- Israel, M., & Hay, I. (2006). *Research Ethics for Social Scientists*. SAGE Publications.
- Juliati, Y. S., & HRP, M. R. A. (2024). Wakaf dan Dasar Hukum Wakaf. *Jurnal Manajemen dan Bisnis Ekonomi*, 2(2), 63-76.
- Kader, S. Z. S. A. (2016). Kerangka Undang-Undang Pengurusan Wakaf di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang-Undang. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 28(1), 102-127.
- Kamaruddin, M. I. H., Masruki, R., & Hanefah, M. M. (2018). Waqf Management Practices: Case Study in a Malaysian Waqf Institution. *World Journal of Social Sciences*, 8(3), 1-12.
- Kamaruddin, M. I. H., Hanefah, M. M., & Masruki, R. (2024). Challenges and Prospects in Waqf Reporting Practices in Malaysia. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 22(3), 752-765.
- Kasdi, A. (2021). *Fiqih Wakaf: Dari Wakaf Klasik hingga Wakaf Produktif*. Idea Press.
- Latif, S. A., Din, N. M. N., & Mustapha, Z. (2019). Good Waqf Governance and Its Contribution in Sustainable Development. *Journal of ASIAN Behavioural Studies*, 4(12), 37-47.
- Mahmood, R. H., Shahida, S., Hameed, L. B. M., & Mustaffha, N. (2017). Kawalan Dalam Tadbir Urus Wakaf di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 8, 49-58.
- Majid, R. A., & Said, R. (2014). Permasalahan Pengurusan Hartanah Wakaf di Malaysia. *International Surveying Research Journal*, 4(1), 29-43.
- Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK). (1921). *Dokumen Suratcara Wakaf di Kelantan*. Kelantan: MAIK.
- Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK). (2019). *Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) 2019*. Kelantan: MAIK.
- Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK). (2020). *Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) 2020*. Kelantan: MAIK.
- Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK). (2025). *Portal Rasmi Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK)*. Diakses melalui <https://www.e-maik.my/v2/index.php/> [17 April 2025].
- Malib, M. A., Rabu, N., Ayub, M. S., & Ibrahim, K. (2024). Waqf Governance: A Paradigm Shift Towards the Sustainability of Waqf Benefit. *Global Business & Management Research*, 16(2), 167-180.
- Manaf, A. W. A., Siong, W. H., & Razak, H. A. (2025). Legal Barriers and Opportunities in The Digital Transformation of Waqf Management in Malaysia: A Critical Analysis. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 137-157.
- Marwal, M. I. (2024). *Hukum Wakaf: Tinjauan Komprehensif Terhadap Aspek Hukum dan Syariah*. Penerbit Tahta Media.

- Mat Husin, S. N. (2013). *Halangan Pembangunan Tanah Wakaf di Kelantan*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. (4th ed.). Jossey-Bass.
- Mohamad, M. R. (2020). Kedudukan Tadbir Urus Wakaf di Malaysia: Kajian Dari Sudut Hubungan Terhadap Siyasah Shar'iyah. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(1), 135-149.
- Mustafar, F. W. (2022). Penyebaran Islam dalam Ketamadunan Melayu: Satu Tinjauan Awal ke atas Masyarakat Melayu di Kelantan. *Jurnal Tuah*, 2(1), 18-33.
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic Analysis: Striving To Meet The Trustworthiness Criteria. *International Journal of Qualitative Methods*, 16(1), 1-13.
- Palinkas, L. A., Horwitz, S. M., Green, C. A., Wisdom, J. P., Duan, N., & Hoagwood, K. (2015). Purposeful Sampling for Qualitative Data Collection and Analysis in Mixed Method Implementation Research. *Administration and Policy in Mental Health and Mental Health Services Research*, 42(5), 533-544.
- Pamungkas, M. B. A. (2024). Waqaf Digital Transformation Towards Better Management. *ICO EDUSHA*, 5(1), 433-457.
- Paramitha, A. P., & Nasrulloh. (2024). Esensi Wakaf dalam Perspektif Al-Qur'an dan Hadis: Kontribusi Sosial dan Ekonomi. *Journal of Scientific Interdisciplinary*, 1(4), 91-98.
- Rahim, A. (2019). Peran Wakaf dalam Pengembangan Pendidikan Islam. *Al Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan dan Kemasyarakatan*, 13(1), 89-102.
- Rahman, M. F. (2009). Wakaf dalam Islam. *Al-Iqtishad: Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah*, 1(1), 80-89.
- Rohim, A. N., & Ridwan, A. H. (2022). Wakaf dalam Perspektif Al-Qur'an dan Hadis: Esensi dan Signifikansi pada Tataran Ekonomi dan Sosial. *AL QUDS: Jurnal Studi Alquran dan Hadis*, 6(2), 659-678.
- Saleh, M. M., Ismail, K. U. I. A. S., Petra, P. S., Mohamed, N. A., Saufi, S., Ghani, H. A., & Noor, S. (2022). Wakaf Ekonomi: Konsep dan Potensi Pelaksanaannya di Negeri Kelantan. *e-Proceedings of the 1st International Conference on Islamic Economics 2022 (1st ICONIE 2022)*, 30-31 Mac.
- Saleh, M. M., Mohamed, N. A., Ghani, H. A., & Saufi, S. (2024). Potensi Pelaksanaan Wakaf Ekonomi di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan Awal. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 223-241.
- Suhaimi, F. M. (2018). Wakaf Ahli: Peruntukan Undang-Undang dan Pelaksanaannya di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law (MJSL)*, 6(2), 73-81.
- Syafi'i, M. (2020). *Arah Manajemen Wakaf Tradisional-Modern*. Pustaka Abadi.
- Syed Musa, S. Z. (2025). Harnessing Artificial Intelligence for Optimized Zakat and Waqf Management: Strategic Insights from Indonesia and Malaysia. *International Journal of Contemporary Issues*, 3(1), 237-255.
- Tanjung, D. (2023). Wakaf dalam Perspektif Hukum Positif dan Hukum Islam. *Rayah Al-Islam*, 7(1), 449-462.
- Uyun, Q. (2015). Zakat, Infaq, Shadaqah dan Wakaf sebagai Konfigurasi Filantropi Islam. *Islamuna: Jurnal Studi Islam*, 2(2), 218-234.
- Yin, R. K. (2018). *Case Study Research and Applications: Design and Methods*. (6th ed.). SAGE Publications.
- Zakaria, N. B. (2012). *Pemanfaatan Tanah Wakaf di Pasir Puteh, Kelantan*. Tesis Doktor Falsafah. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau, Indonesia.

- Zeni, N. A. M., & Sapuan, N. M. (2017). Revitalizing Waqf Governance: A Theoretical Perspectives. *International Journal of Advanced Biotechnology and Research*, 8(3), 305-311.
- Zulkifli, N., Ismail, M. N., Osman, G., & Yusoff, Z. (2022). A Systematic Literature Review on Waqf Governance. *e-BANGI Journal*, 19(4), 31-42.